



The Sarawak Museum Journal

Vol. XLVII No. 68

December 1994



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Sani, R. A. (1994). Aspirasi Sosio-budaya Bangsa Malaysia dari Perspektif Wawasan 2020. The Sarawak Museum Journal, XLVII (68): 165-180

ASPIRASI SOSIO-BUDAYA BANGSA MALAYSIA DARI PERSPEKTIF WAWASAN 2020

Rustam A. Sani

Wawasan yang telah dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri tentang masa depan negara ini dalam masa satu generasi, kini telah dikenal umum sebagai 'Wawasan 2020'. Akan tetapi nama tersebut bukanlah nama yang telah diberikan oleh pencetusnya sendiri; malah perkataan 'Wawasan 2020' itu sendiri tidak terdapat di mana-mana dalam teks kertas kerja yang berjudul Malaysia Melangkah ke Hadapan yang telah dibentangkan pada sidang pertama Majlis Perdagangan Malaysia di Kuala Lumpur pada 28 Februari 1991 itu.

Namun demikian, penggunaan julukan 'Wawasan 2020' itu sendiri tidaklah mencatitkan pemikiran yang diutarakan dalam kertas kerja itu. Pada hemat saya, yang lebih memudaratkan adalah sebilangan tafsiran yang mengelirukan dan 'mendangkalkan' pemikiran yang terdapat di dalamnya. Sebahagian daripada tafsiran 'yang menyimpang' ini disebabkan oleh tidak terdapatnya usaha bersungguh-sungguh untuk mengkaji dan merenung pemikiran tersebut, dan sebahagian lagi kerana disengajakan- demi menonjolkan sikap dan pandangan tertentu yang bersifat politik.

ASPIRASI SOSIO-BUDAYA BANGSA MALAYSIA DARI PERSPEKTIF WAWASAN 2020

oleh

Rustam A. Sani

Wawasan yang telah dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri tentang masa depan negara ini dalam masa satu generasi, kini telah dikenal umum sebagai 'Wawasan 2020'. Akan tetapi nama tersebut bukanlah nama yang telah diberikan oleh pencetusnya sendiri; malah perkataan 'Wawasan 2020' itu sendiri tidak terdapat di mana-mana dalam teks kertas kerja yang berjudul *Malaysia Melangkah ke Hadapan* yang telah dibentangkan pada sidang pertama Majlis Perdagangan Malaysia di Kuala Lumpur pada 28 Februari 1991 itu.

Namun demikian, penggunaan julukan 'Wawasan 2020' itu sendiri tidaklah mencatatkan pemikiran yang diutarakan dalam kertas kerja itu. Pada hemat saya, yang lebih memudaratkan adalah sebilangan tafsiran yang mengelirukan dan 'mendangkalkan' pemikiran yang terdapat di dalamnya. Sebahagian daripada tafsiran 'yang menyimpang' ini disebabkan oleh tidak terdapatnya usaha bersungguh-sungguh untuk mengkaji dan merenung pemikiran tersebut, dan sebahagian lagi kerana disengajakan — demi menonjolkan sikap dan pandangan tertentu yang bersifat politik.

Dalam usaha kita untuk memahami Wawasan 2020 ini, mungkin ada gunanya jika diperkatakan serba sedikit tentang 'pendekatan' yang digunakan dalam kertas kerja yang berjudul *Malaysia Melangkah ke Hadapan* itu. Dalam kertas kerja ini saya akan mencuba mengemukakan tafsiran saya sendiri terhadap dokumen tersebut. Andaian asasi saya ialah bahawa Wawasan 2020 tidaklah sekadar merupakan sebuah wawasan tentang masa depan negara ini yang bersifat ekonomi. Malah saya berpendapat bahawa dokumen tersebut mengungkapkan tentang aspirasi sosio-budaya bagi negara ini.

Apakah yang saya maksudkan dengan ungkapan 'aspirasi sosio-budaya' itu? Menurut hemat saya, sebuah negara bukanlah sekadar suatu kawasan atau satu kumpulan sejumlah penduduk semata-mata. Yang lebih penting lagi kelompok penduduk yang menjadi anggota sebuah negara atau negara-bangsa itu mempunyai hasrat untuk mempunyai keperibadiannya sendiri, keperibadian yang menjadikannya setaraf dengan — tetapi berbeza daripada — negara-negara lain. Hasrat untuk membentuk dan melahirkan ciri-ciri keperibadian sesebuah negara itulah yang saya maksudkan dengan aspirasi sosio-budaya.

WAWASAN 2020: SUATU TANGGAPAN

Kertas kerja *Malaysia Melangkah ke Hadapan* itu bermula dengan pemaparan pandangan umum penulisnya tentang sifat dan ciri negara ini yang diimpikannya bagi tahun 2020 (dan seterusnya) nanti — yakni dalam masa satu generasi dari tahun 1990. Menurut hemat saya, cita-cita tersebut dapatlah disimpulkan sebagai berikut: Terbentuknya sebuah negara-bangsa Malaysia yang benar-benar moden dan maju, sebuah masyarakat industri yang adil, bermoral dan rasional, teguh dan tangkas ekonominya, selain mempunyai keperibadian sosial dan budayanya sendiri.

Untuk memungkinkan tercapainya cita-cita yang muluk dan wawasan yang unggul ini, maka perlulah negara ini mengatasi beberapa rintangan dan cabaran besar yang dihadapinya. Secara khususnya kertas kerja itu memaparkan “sembilan cabaran yang strategis” yang meliputi pelbagai aspek kehidupan sosial dan kehidupan bernegara yang perlu kita atasi (*Malaysia Melangkah ke Hadapan*: hal. 3-4):

Cabaran yang pertama adalah membentuk sebuah negara bangsa yang bersatu padu serta menyanjung masa hadapan yang diperkongsi bersama. Bangsa itu mestilah sejahtera, terintegrasi wilayah-wilayah dan kelompok-kelompok etniknya, menikmati kehidupan bersama yang sepenuhnya berasaskan persamaan hak dan keadilan, membentuk sebuah “Bangsa Malaysia” dengan rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut.

Cabaran kedua adalah melahirkan sebuah masyarakat Malaysia yang bebas, teguh dan telah terbentuk jiwanya; yakin akan dirinya sendiri, bangga akan keadaannya kini dan segala sesuatu yang telah dicapainya, dan cukup tangkas untuk menghadapi segala macam rintangan. Masyarakat Malaysia itu mestilah mempunyai sifat-sifat mengejar kecemerlangan, benar-benar menyedari segala kemungkinan dirinya, tidak terkongkong jiwanya, dan dihormati pula oleh semua bangsa lain.

Cabaran ketiga yang sentiasa kita hadapi adalah cabaran membentuk dan memperkembang sebuah masyarakat demokratis yang matang, yang mengamalkan suatu bentuk demokrasi Malaysia yang unggul, berasaskan muafakat dan musyawarah, dan dapat pula dicontohi oleh negara-negara membangun lainnya.

Cabaran keempat adalah membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.